

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2022

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK bagi tahun 2021) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN MOF	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/04/2022	Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Bahan Mentah Dan Alat Kelengkapan Bagi Bengkel Jahitan Asnaf Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah	Kod Bidang : 021001- Butang Dan Bekalan Jahitan (Kits)	RM 50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 06 Mac 2022 (Ahad)	06 Mac 2022 (Ahad) 3.00 Petang Secara dalam talian (Online)	13 Mac 2022 (Ahad) 12.00 Tengah Hari

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	08 Mac 2022 (Selasa) selepas jam 03.00 Petang

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

- i. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengikuti siaran langsung sesi taklimat pada **06 Mac 2022 (Ahad)** melalui pautan di **PORTAL PEROLEHAN** pada jam **3.00 petang**
- ii. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mendaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dengan melayari laman sesawang <http://perolehan.zakatkedah.com.my/>
- iii. Semua penyebutharga perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikuti sesi taklimat secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK**.
- iv. Hanya **Syarikat yang memiliki kod bidang** di dalam MOF dan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan mengikuti taklimat secara atas talian ini.
- v. Bagi firma baharu, pembekal perlu **MENDAFTAR** sebagai pembekal di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** terlebih dahulu sebelum sesi taklimat berlangsung. Sila dapatkan pengesahan setelah pendaftaran dilakukan.
- vi. Kegagalan untuk mendaftar sebelum mengikuti taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- vii. **DOKUMEN SEBUT HARGA** akan **DIJUAL SECARA DALAM TALIAN** kepada penyebutharga yang mengikuti sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- viii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- ix. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
- x. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- xi. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
 Pertubuhan Pembangunan Asnaf (Teknikal) : 04-7331740 ext. 176
 Pegawai Perolehan (Dokumen) : 04-7331740 ext. 265 / 019-4941740